



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

24 JUN 2021 (KHAMIS)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

24 JUN 2021 (KHAMIS)



RAMAI JADI MANGSA SINDIKET EMAS TIRUAN

PESONA EMAS GELUP

EXKLUJIF

Tertarik tawaran harga emas yang rendah mendorong ramai menjadi mangsa sindiket penipuan jual beli emas tiruan terutama menerusi urus niaga dalam talian. Sejak Januari tahun lalu sehingga 25 Mei lalu, pihak berkuasa menerima 24 aduan daripada mangsa berhubung penipuan emas tidak tulen. Selain itu, rekod polis menunjukkan pemilik kedai pajak gadai turut menjadi mangsa apabila ada pihak mengadai emas tiruan ini untuk mendapatkan wang. **lapor Mohd Jamil Anbia Md Denin dan Nurul Hidayah Bahardin**

Oleh Mohd Jamilul Anbia
Md Denin dan Nurul
Hidayah Bahaudin
ami@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

“Ini bukan emas tulen 916 tetapi ‘besi bodoh’ yang dicat menyerupai rantai emas padu,” ujar mangsa penipuan emas palsu yang hanya mahu dikenali sebagai Nor, 38.

Dia antara mangsa penipuan emas palsu membabitkan logam tungsten selepas terpengaruh dengan taktik ejen pelaburan emas tidak wujud.

Katanya, dia mula terjebak selepas dipelawa rakan dikenali di Facebook untuk menyertai pelaburan emas didakwa boleh memberikan pulangan keuntungan sehingga 20 peratus sebulan sekitar Ogos tahun lalu.

“Lelaki memperkenalkan diri sebagai Hisyam, 40-an itu mendakwa berpengalaman lebih 10 tahun sebagai *remisier* menguruskan syarikat-broker dan pelabur saham.

“Saya mula tertarik apabila dia kerap berkongsi gambar kejayaannya membantu ramai Bumiputera menjana pendapatan melalui pelbagai taktik pelaburan termasuk forex. Malah gambar kereta mewah dan hartanah dimilikinya menyebabkan saya percaya dengan aktiviti pelaburan saham dan ekuiti dilakukannya.

“Secara ‘halus’, saya dipe-lawa menyertai pelaburan

‘BESI BODOH’ DISADUR EMAS

Wanita ditipu sertai pelaburan tak wujud diberi rantai logam tungsten konon bernilai RM6,000



Bagi meyakinkan saya, lelaki itu menyerahkan kotak berisi rantai emas 916 yang didakwa seberat lebih 54 gram bernilai lebih RM6,000”

Nor

emas luar negara menggunakan mata wang dolar Amerika (AS\$). Terdapat empat pakej ditawarkan iaitu pelaburan terendah membabitkan AS\$100 (RM420) hingga AS\$10,000 (RM42,000) dengan pulangan 10 peratus hingga 20 peratus,” katanya ketika ditemui semalam.

Malah bagi meyakinkannya, lelaki terbabit kerap mengajaknya berjumpa di restoran Timur Tengah sekitar Jalan Ampang di sini, untuk menerangkan kaedah transaksi dan dagangan saham emas dilakukan.

“Saya yang ‘termakan pujukan’ bersetuju untuk memulakan pelaburan membabitkan jumlah AS\$2,000 (RM8,400) dengan menyerahkan wang tunai selain diminta menandatangani dokumen.

“Bagi meyakinkan saya, lelaki itu menyerahkan kotak berisi rantai emas 916 yang didakwa seberat lebih 54 gram bernilai lebih RM6,000. Dia mendakwa saya tidak perlu gusar soal risiko pelaburan berikutan emas fizikal itu diberikan sebagai ‘cagaran’ dan hadiah persahabatan kami,” katanya.

Namun dia mula sangsi apabila keuntungan 20 peratus sebulan iaitu sekitar RM1,680 gagal diterima memasuki bulan ketiga pelaburan.

“Lelaki itu terus gagal dihubungi dan lesap begitu sahaja. Malah pautan portal pelaburan emas berkenaan turut ditutup.

“Curiga dengan apa yang berlaku, saya kemudian membawa emas diberikan itu ke sebuah pusat gadaian Ar-Rahnu untuk melakukan


pemeriksaan. Saya terkejut apabila dimaklumkan ia hanyalah logam tungsten disadur emas,” katanya yang membuat laporan polis berhubung penipuan itu.

Harian Metro sebelum ini turut pernah mendedahkan kes penipuan emas membabitkan seorang ahli perniagaan wanita yang diperdaya selepas bersetuju untuk berkahwin dengan seorang lelaki.

Mangsa berusia 50-an diberikan barang kemas bernilai hampir RM1 juta sebagai hantaran perkahwinan sebelum mangsa mengesyaki ditipu selepas curiga dengan sikap suaminya bergelar Datuk.

Mangsa yang menghantar barang kemas itu untuk diperiksa sebuah makmal swasta di Wangsa Maju menggunakan peralatan XRF (X-Ray Fluorescence) sebelum mendapati logam berkenaan adalah tembaga dan perak.

Mangsa kemudian membuat laporan polis di ibu pejabat Polis Daerah Ampang selain mengambil tindakan mahkamah selepas kecewa ditipu.



PIHAK berkuasa membuat pemeriksaan ke atas kedai emas.

Awas tawaran emas murah ketika PKP

Putrajaya: Waspada jika ditawarkan emas murah China, emas lelongan pajak gadaai atau jualan emas dalam talian (*online scam*) ketika 'musim' Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 ini.

Ia berikutan anda mungkin sebaliknya diberikan emas klon atau emas celup diperbuat daripada logam saduran emas dihasilkan sindiket penipuan licik.

Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, semakan dilakukan mendapati terdapat 24 aduan diterima pihaknya berkaitan penipuan emas dengan kebanyakan pengadu tidak mengemukakan jumlah kerugian sebenar dialami sehingga 25 Mei lalu.

Menurutnya, pelbagai logam berharga terutama emas menjadi sasaran sindiket penipuan.

"Namun boleh dikatakan rata-rata pengguna di Malaysia lebih gemar membeli emas berbanding logam ber-



harga lain berdasarkan situasi semasa selain kejatuhan harga emas di pasaran.

"Minat mendalam terhadap logam emas sama ada untuk koleksi simpanan atau melabur diambil kesempatan sindiket penipuan menjadikan emas sebagai umpan penipuan," katanya ketika ditemui di Ibu Pejabat KPDNHEP, di sini.

Susulan itu KPDNHEP kini dilengkapi dua set alat pengujian ketulenan logam berharga termasuk emas dikenali sebagai radas sinaran



Alat XRF adalah suatu pengujian ketulenan logam berharga yang mampu membuat bacaan kandungan dan komposisi ke atas lebih 100 jenis unsur logam"

Azman

sinar-X atau X-Ray Fluorescence (XRF) sejak hujung tahun lalu.

"Alat XRF adalah suatu pengujian ketulenan logam berharga yang mampu membuat bacaan kandungan dan komposisi ke atas lebih 100 jenis unsur logam seperti emas, perak, gangsa dan lain-lain menggunakan kaedah pengujian tanpa musnah.

"Bagaimanapun, alat XRF yang dimiliki kementerian ini boleh digunakan untuk tujuan prapengujian sahaja

dan ujian ketulenan logam berharga paling tepat setakat ini adalah melalui kaedah pengujian secara musnah.

"Kaedah itu (pengujian secara musnah) dijalankan di Makmal Uji Ketulenan Emas, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (GSM)," katanya.

Azman berkata, alat XRF sekali gus dapat membantu KPDNHEP mengenal pasti ketulenan logam emas milik pengadu yang mengesyaki ditipu.

"Malah pihaknya turut melaksanakan beberapa siri pemeriksaan ketulenan logam berharga dengan menggunakan alat XRF di kedai emas sekitar Jalan Masjid India, Kuala Lumpur, Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

"Pemeriksaan yang dijalankan tertumpu terhadap premis menjual emas dengan memeriksa barang emas seperti gelang, cincin, loket, rantai dan subang," katanya.

Mekanisme baharu jual minyak masak bersubsidi

Kementerian cadang kaedah terbaik pastikan harga rendah

Oleh **Muhammad Yusri**
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan akan memperkenalkan penjualan minyak masak bersubsidi mengikut mekanisme baharu yang dijual dalam botol mengikut kapasiti dua atau lima kilogram (kg).

Menteri Perusahaan Perlindungan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali, berkata perbincangan mengenainya kini pada peringkat akhir termasuk akan dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet, sebelum dimuktamadkan.

"Perbincangan dengan Kementerian Kewangan serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sudah dijalankan, termasuk bersama pembekal minyak sawit mentah, pembo-

rong dan pihak berkepentingan lain.

"Pada peringkat Kementerian, kita sudah berbincang dan mencadangkan kaedah terbaik bagi memastikan rakyat menikmati harga minyak masak dua atau lima kg yang rendah," katanya dalam program Bicara Politik bertajuk 'Harga Sawit dan Minyak masak: Rezeki atau Beban' disiarkan *BernameaTV*, malam kelmarin.

Sebelum ini, Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz dilaporkan mengumumkan kerajaan bakal menampung subsidi minyak dan minyak masak hingga RM8 bilion, iaitu RM4.22 bilion lebih tinggi daripada RM3.78 bilion diperuntukkan bagi tahun ini.

Beliau berkata, RM6.32 bilion sudah dibelanjakan kerajaan bagi subsidi minyak dan minyak masak pada 2019, manakala RM2.16 bilion, tahun lalu.

Sementara itu, Mohd Khairuddin berkata, menteriannya turut mencadangkan pelaksanaan mekanisme jangka panjang atau subsidi bersasar minyak masak seperti sedang dilaksanakan bagi petrol ketika ini, kepada kerajaan.



Kerajaan mencari kaedah terbaik menentukan harga minyak masak tidak membebankan pengguna. (Foto hiasan)

"Cadangan mekanisme subsidi bersasar ini masih diperincikan dan bertujuan menangani ketidurusan dalam pembekalan minyak masak," katanya.

Sementara itu dalam kenyataan media semalam, Mohd Khairuddin berkata, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di-

jangka mengumumkan langkah terbaru kerajaan menstabilkan harga minyak tidak bersubsidi di pasaran.

"Keputusan mengenai agenda dibincangkan (bersama Tengku Zafrul) itu akan diumumkan Perdana Menteri dalam tempoh terdekat," katanya.

Perbincangan mekanisme subsidi minyak masak di peringkat akhir

KUALA LUMPUR - Kerajaan sedang di peringkat akhir perbincangan bagi menentukan mekanisme terbaik subsidi minyak masak dalam botol dengan kapasiti dua kilogram (kg) atau lima kilogram.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali berkata, perkara itu akan dibentangkan dalam mesyuarat mingguan kabinet pada Rabu sebelum dapat diputuskan dan diumumkan kepada rakyat seawal minggu hadapan.

Menurutnya, perbincangan antara tiga kementerian berkaitan iaitu Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Kementerian Kewangan telah dijalankan termasuk bersama pembekal minyak sawit mentah, pemborong serta pihak berkepentingan lain.

"Di peringkat KPPK yang

menjaga hal ehwal pembekal minyak sawit mentah, kita telah berbincang dan mencadangkan cara terbaik bagi memastikan rakyat menikmati harga minyak masak 2kg atau 5kg yang rendah.

"Cuma kita masih belum dapat umumkan hari ini (Selasa) kerana perkara ini belum diputuskan di peringkat kabinet lagi," katanya pada program Bicara Politikonomi di TV1 bertajuk 'Harga Sawit dan Minyak masak: Rezeki atau Beban' pada Selasa.

Mohd Khairuddin berkata, KPPK turut mencadangkan kepada kerajaan mengenai pelaksanaan mekanisme jangka masa panjang atau subsidi bersasar minyak masak seperti yang sedang dilaksanakan untuk minyak petrol sekarang.

"Cadangan mekanisme subsidi bersasar ini masih diperincikan dan ia bertujuan menangani isu ketirisan dalam pembekalan minyak masak," tambah beliau. - *Bernama*



Cuma
kita masih
belum dapat
umumkan hari
ini (Selasa)
kerana perkara
ini belum
diputuskan
di peringkat
kabinet lagi."

- *Mohd Khairuddin*



New fuel prices

June 24 - June 30

RON95 **RM2.05**
(unchanged)

RON97 **RM2.67**
(unchanged)

DIESEL **RM2.15**
(unchanged)